



MPC.100-14/1/18

29 Januari 2021

Gemba Solution Enterprise
Level 11, Menara Ken TTDI,
No. 37, Jalan Burhanuddin Helmi,
60000 TTDI, Kuala Lumpur.
(U.P: En. Syukri Hadafi Hamdan, Pengarah Urusan)

Tuan

**PERLANTIKAN SEBAGAI *SUBJECT MATTER EXPERT (SME)* UNTUK PENYEDIAAN
INVENTORI PELESENAN PERNIAGAAN UNTUK NEGERI PERAK DAN PULAU PINANG**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) merupakan badan berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan menjalankan Projek Penambahbaikan Ketelusan Pelesenan Perniagaan bagi Negeri Perak dan Pulau Pinang yang turut merangkumi Pihak Berkuasa Tempatan di kedua-dua negeri tersebut.

3. Objektif projek ini adalah untuk mengenalpasti dan menambahbaik ketelusan peraturan dan prosedur pelesenan perniagaan yang perlu diterbitkan secara dalam talian bagi meningkatkan kecekapan kawalselia pelesenan perniagaan. Sehubungan itu, bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar dan jayanya, MPC ingin melantik tuan sebagai *Subject Matter Expert* bagi menjalankan inisiatif ini. Bersama-sama ini juga disertakan Surat Setuju Terima (Lampiran 1) dan Terma Rujukan (Lampiran 2) untuk makluman. Mohon kerjasama tuan untuk mengembalikan Surat Setuju Terima yang telah lengkap diisi kepada pihak kami bagi pengesahan penerimaan perlantikan.

4. Segala sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan inisiatif ini amat dihargai dan didahului ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan program boleh hubungi En Mohd Hilmi M Idris di talian 019-288 2539 atau e-mel hilmi@mpc.gov.my.

Sekian, terima kasih

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in brown ink, appearing to read 'Azrol', with a horizontal line underneath and a small dot at the end.

(MOHAMAD AZROL MOHAMAD DALI)

Timbalan Pengarah

Bahagian Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing

b.p Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)



SURAT SETUJU TERIMA

Kepada:
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor.
(U.P.: Mohd Hilmi Bin M Idris)

Fax: 03 – 7954 7910

**PENERIMAAN PERLANTIKAN SEBAGAI *SUBJECT MATTER EXPERT (SME)* UNTUK
PENYEDIAAN INVENTORI PELESENAN PERNIAGAAN UNTUK NEGERI PERAK DAN
PULAU PINANG**

Saya mewakili, _____ bersetuju untuk menerima
tawaran pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia sebagai *subject matter expert* bagi
Projek Penambahbaikan Ketelusan Pelesenan Perniagaan sebagaimana yang
dinyatakan dalam surat tawaran dan terma rujukan yang disertakan

Tandatangan:

Tarikh :

Butiran maklumat yang diperlukan:-

Nama :

Nama Syarikat :

Nama Bank dan Akaun No :